

**HARIAN METRO**

DR Salina menunjukkan animasi video lagu bahasa Sepanyol yang dihasilkan.

# HASIL ANIMASI SEPANYOL

■ Pensyarah terbit video lagu mudahkan pembelajaran bahasa

**Garret Dawum**

garret@hmetro.com.my

## Serdang

**P**engalaman 15 tahun sebagai tenaga pengajar bahasa Sepanyol di universiti tempatan menjadi inspirasi seorang pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan animasi video lagu bahasa Sepanyol pertama di Malaysia.

Menurut pensyarah berkenaan, Dr Salina Husain, 41, bahan untuk pengajaran dan pembelajaran (P&P) digunakan oleh pensyarah di universiti tempatan yang menawarkan bahasa Sepanyol sangat terhad dan semuanya diimport.

"Harganya juga sangat mahal dan keadaan ini menjadi kewangan kepada pelajar mendapatkan bahan rujukan dan bagi mengatasi masalah itu, saya bangunkan bahan P&P yang akan membantu pelajar mempelajari bahasa Sepanyol dengan mudah."

"Buat masa ini, saya hasilkan lima koleksi video animasi mengandungi tajuk yang dipelajari oleh pelajar pada tahap asas," katanya ketika ditemui.

Katanya, kaedah digunakan

adalah berbentuk lagu dan mempunyai seni kata serta animasi berdasarkan jalan cerita tajuk yang ditampilkan.

"Bagi permulaan, saya mencipta lagu berkenaan tajuk Keluarga Saya, Kata Adjektif, Warna, Nombor dan Konjugasi Kata Kerja."

"Pemilihan lirik dalam lagu ini memang dicipta khusus untuk P&P bahasa Sepanyol yang semakin mendapat tempat dan berkembang dalam kalangan pelajar," katanya.

Tambahnya, konsep yang digunakan dalam video animasi itu senang dan lagu juga mudah menarik perhatian pelajar.

"Saya menggunakan perkataan yang mudah dan muzik dalam produk ini kerana ia akan memperbaiki kemahiran mendengar, menulis dan menyebut ketika pelajar mempelajari bahasa Sepanyol."

"Sepanjang penghasilan video animasi ini, saya menggunakan khidmat penyanyi latar Datuk Siti Nurhaliza untuk menyanyikannya dan suaminya sebagai komposer," katanya.

"Saya yakin, produk ini dapat dikomersialkan kerana ia adalah produk anak tempatan pertama dan sudah ada permintaan daripada pensyarah di universiti tempatan yang lain," katanya.

**FAKTA**  
Konsep yang digunakan dalam video animasi itu senang, lagu mudah menarik perhatian pelajar